

18 JAN 1998

ABIM-Gerakan

NGO LANCAR GERAKAN EKONOMI RAKYAT TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 18 Januari (Bernama) -- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) sedang menyediakan memorandum terperinci mengenai peranan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakyat dalam menangani kegawatan ekonomi negara pada masa ini.

Presiden ABIM, Ahmad Azam Abdul Rahman berkata, memorandum "Gerakan Ekonomi Rakyat" itu akan diperhalusi oleh beberapa NGO lain sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami akan memberi penerangan secara besar-besaran kepada rakyat Malaysia mengenai perlunya kita bersatu dan sentiasa beranggapan bahawa kita sedang dalam keadaan darurat pada masa ini.

"Dengan cara ini, barulah kita dapat bertindak secara bersepadu untuk mengatasi krisis yang dihadapi," katanya pada persidangan berita selepas menghadiri "Dialog Ekonomi Semasa" anjuran ABIM di sini, hari ini.

Ahmad Azam berkata gerakan itu akan memastikan rakyat merobah gaya hidup mereka daripada terlalu kebaratan kepada sifat berbangga dengan negara sendiri kerana cara itu akan menggalakkan mereka membeli barangan buatan Malaysia, sekaligus membantu kerajaan mengurangkan barangan import.

Beliau berkata memorandum itu juga akan mendesak kerajaan supaya memulihkan imej sektor pertanian agar rakyat berlumba-lumba untuk menyertainya seperti sektor korporat.

"Usaha mesti dilipatgandakan daripada segi menyediakan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan moden agar rakyat menceburi sektor pertanian yang begitu penting untuk menampung bekalan makanan di negara ini," katanya.

Ahmad Azam berkata kerajaan turut diminta supaya berhati-hati dalam melaksanakan pelbagai langlah pemulihan dan pembaharuan ekonomi agar matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak terjejas.

Bagi memastikan rakyat tidak dibebani dengan kenaikan harga barang pula, penguatkuasaan undang-undang anti-sorok dan perniagaan yang tidak beretika hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, katanya.

"ABIM juga menyokong pendirian kerajaan untuk tidak meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan jangan sekali-kali tunduk kepada tekanan badan itu. Kita tidak mahu dijajah semula," katanya.

Beliau berkata setiap agama pula hendaklah menggunakan kesempatan daripada kegawatan ekonomi ini untuk menerapkan nilai-nilai kerohanian di dalam jiwa penganutnya supaya rakyat lebih mantap dan bersedia untuk menghadapi apa jua cabaran. -- BERNAMA

AH NAK